



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 13 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM TUMPU ATASI MASALAH AIR PERTANIAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PERTANIAN BUKAN LAGI SEKTOR PINGGIRAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
3.	PERUNTUKAN RM400J BINA 18 PROJEK INFRASTRUKTUR AIR SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 5	
4.	LEPAS 1.6J BENIH UDANG GALAH CIPTA REKOD MBOR, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	MORE AID FOR RICE FARMERS TO INCREASE FOOD SECURITY, NEWS, THE STAR, M/S – 3	LAIN-LAIN
6.	IMPORT MAKANAN: NEGARA TERDEDAH INFLASI GLOBAL, RINGGIT, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 25	
7.	MILKING HIGH-TECH AID FOR PRODUCTION, FOOD SECURITY, NEWS, THE STAR, M/S – 5	
8.	DODOL USAHAWAN OKU INTAI PASARAN GLOBAL, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

KPKM tumpu atasi masalah air pertanian

BACHOK – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menumpukan usaha memastikan setiap peruntukan kerajaan bagi sektor pertanian digunakan sepenuhnya di lapangan termasuk pelaksanaan 18 projek bernilai RM400 juta yang membabitkan pembangunan infrastruktur air.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Luqman Ahmad berkata, antara cabaran utama yang dikenal pasti dihadapi petani ialah masalah bekalan air khususnya dalam sektor penanaman padi.

Justeru katanya, projek berkenaan termasuk menaik taraf sistem tali air dan kemudahan sokongan pertanian di bawah

seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

“Kami menerima maklumat bahawa masalah air menjadi aduan paling besar daripada petani.

“Sebab itu, kerajaan meluluskan 18 projek ini bagi menyelesaikan isu bekalan air untuk meningkatkan hasil dan produktiviti pesawah,” katanya ketika Program Penuaian Padi Kawasan Bachok di Kampung Keting di sini pada Ahad.

Menurut beliau, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada dana yang diterima KPKM melalui Belanjawan 2026 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat.

“Daripada jumlah RM400 juta itu, sebanyak RM28 juta akan

digunakan bagi projek pembinaan stesen pam kedua di Pasir Mas.

“Baki 17 projek lain akan diperincikan dalam mesyuarat esok (hari ini),” katanya.

Beliau menegaskan, isu air menjadi fokus utama kerajaan dalam usaha membantu petani meningkatkan hasil pertanian negara selain penyediaan bantuan input pertanian seperti baja dan racun.

“Isu ini akan diselesaikan secara berperingkat mengikut keupayaan kerajaan. Walaupun tidak dapat dilakukan sepenuhnya dalam tempoh setahun, kami akan memastikan kaedah terbaik digunakan bagi menyelesaikan masalah air ini.

“Selain itu, ketika ini pesawah turut berdepan ancaman keladi agas yang menjejaskan hasil padi,” katanya.



Luqman (tiga dari kanan) melihat padi yang sedia untuk dituai.

Pertanian bukan lagi sektor pinggiran

PETALING JAYA – Sektor pertanian bukan lagi dianggap sebagai sektor pinggiran, sebaliknya menjadi teras utama kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

Itu tegas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika mengulas Belanjawan 2026 yang disifatkannya sebagai Belanjawan Rakyat paling menyeluruh buat golongan pesawah, nelayan dan usahawan tani.

“Peruntukan sebanyak RM6.87 bilion kepada kementerian ini meningkat tujuh peratus berbanding tahun lalu membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara.

“Alhamdulillah, belanjawan kali ini benar-benar mencerminkan kesungguhan kerajaan membela nasib warga tani. Kita mahu pastikan rakyat menikmati bekalan makanan yang cukup, selamat dan mampu milik,” katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Katanya, kerajaan memperkukuh pelbagai program bantuan dan insentif kepada pesawah serta nelayan selain

meneruskan projek besar seperti Pemindahan Air Jeniang dan Sistem Pengairan Tersier MADA bagi menyokong lima musim penanaman padi dalam tempoh dua tahun.

“Kerajaan kekalkan elaun sara hidup nelayan sebanyak RM300 sebulan serta diesel bersubsidi, selain menyediakan pembiayaan RM1.1 bilion melalui Agrobank bagi membantu usahawan tani mengembangkan perniagaan dan menggalakkan automasi pertanian.

“Golongan petani dan nelayan bukan lagi perlu melihat diri mereka di bawah, kerana mereka sebenarnya tunjang kekuatan ekonomi negara. Tanpa hasil tani, rakyat tidak makan; tanpa nelayan, lauk di meja tidak lengkap,” katanya.

Tegasnya, Belanjawan 2026 menjadi bukti bahawa kerajaan tidak lagi memandang ringan terhadap sektor pertanian yang selama ini dianggap ‘kelas kedua’.

“Saya yakin ia akan terus melonjak sebagai industri moden, mampan dan berdaya saing. Ini masa untuk jadikan pertanian sebagai sumber kekayaan dan kebanggaan negara,” tegasnya.



KERAJAAN memperkukuh pelbagai program bantuan dan insentif kepada golongan petani dan nelayan. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Peruntukan RM400j bina 18 projek infrastruktur air sektor pertanian

KPKM tumpu selesai masalah pengairan bantu petani tingkatkan hasil

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Bachok: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menumpukan penyelesaian masalah bekalan air yang menjejaskan sektor pertanian dengan melaksanakan 18 projek infrastruktur air membolehkan peruntukan RM400 juta di seluruh negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Luqman Ahmad, berkata ini termasuk penyelesaian bagi masalah perairan di kawasan sawah padi yang menjejaskan hasil petani.

Katanya, peruntukan itu sebahagian daripada peruntukan diterima KPKM pada Belanjawan 2026 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

"Daripada RM400 juta itu, se-



banyak RM28 juta diberikan kepada projek membina Stesen Pam Kasa Baru di Pasir Mas dengan projek naik taraf sedia ada serta lain-lain kerja berkaitan di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Jajahan Pasir Mas.

"Lagi 17 projek kita akan perincikan dalam mesyuarat esok (hari ini), namun di setiap lima tahun itu, kita akan adakan projek yang babitkan penyelesaian isu air," katanya ketika ditemui dalam lawatan di sawah padi Kampung Keting, di sini, semalam.

Dilaksana berperingkat

Katanya, isu air menjadi tumpuan utama kerajaan dalam membantu petani meningkatkan hasil pertanian negara selain bantuan input pertanian seperti baja dan racun.

"Kita akan buat secara berperingkat sebab faham keupayaan kerajaan dan tak mungkin dapat dilakukan dalam tempoh setahun, namun kita sering bangkitkan untuk pastikan kaedah



Luqman (kiri) diiringi Mohd Faizul meninjau masalah perairan sawah padi di Kampung Keting, Bachok, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH) +

terbaik untuk selesaikan masalah air," katanya.

Luqman berkata, selain masalah air, pesawah turut berdepan ancaman keladi agas yang turut menjejaskan pertumbuhan padi sekali gus menurunkan harga be-

lian padi.

Sementara itu, Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa berkata, bagi projek Pam Kasa II itu dijangka memberi manfaat kepada 2,7000 petani yang mengusahakan tanaman padi se-

luas 10,000 hektar tanaman padi.

Katanya, projek dijangka disiapkan dalam tempoh dua hingga dua tahun setengah yang dijadikan sokongan kepada Pam Kasa I yang sedia ada.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2025	KOSMO	NEGARA	12



ZAHARI (depan, kanan) melepaskan sebahagian benih anak udang galah di Jambatan Putus Buloh Kasap, Segamat semalam.

Lepas 1.6j benih udang galah cipta rekod MBOR

SEGAMAT – Jabatan Perikanan Johor diiktiraf *Malaysia Book of Record* (MBOR) bagi pelepasan 1.6 juta benih anak udang galah di tujuh perairan sungai di negeri ini secara serentak semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Datuk Zahari Sarip berkata, pelepasan serentak itu meliputi Segamat, Batu Pahat, Tangkak, Muar, Mersing, Kluang dan Kota Tinggi.

“Di Segamat umpamanya kita melepaskan benih anak udang galah sebanyak 475,000 ekor ke dalam Sungai Buloh Kasap.

“Program ini bukan sahaja meningkatkan bekalan dan populasi udang galah di negeri ini, tetapi bertujuan untuk memberi

kesedaran agar orang ramai melepaskan benih hasil air tawar mengikut spesies ditentukan Jabatan Perikanan.

“Jangan melepaskan spesies air tawar asing yang boleh membahayakan ekosistem air tawar kita,” katanya pada Program Pelepasan Benih Anak Udang Galah di Jambatan Putus Buloh Kasap, di sini semalam.

Pengiktirafan itu disampaikan wakil MBOR bagi kategori pelepasan benih anak udang galah serentak terbanyak di Malaysia. Selain itu, dengan kerjasama Jabatan Perikanan Johor, Zahari turut menyerahkan pelbagai kelengkapan menangkap ikan bernilai RM400,000 kepada 34 nelayan darat di daerah ini.

More aid for rice farmers to increase food security

By FINTAN NG
fintan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Paddy farming is getting a boost under Budget 2026 as part of measures to increase the food security buffer for the most important staple in the country's diet.

This comes at a time when the development expenditure allocation to the agriculture sector has been drastically reduced to RM551mil under Budget 2026, or an 81.3% drop from RM2.94bil under Budget 2025.

Touting the allocation to the farmers as defending their "fate", the government proposed an allocation of RM2.62bil for various subsidies and assistance such as rice price subsidies, rice crop subsidies, fertiliser subsidies, seed subsidies, and rice production incentives.

Under Budget 2025, the allocation was

However, while the government has good intentions to support these farmers, the mechanism to disburse these aids and incentives need to be strengthened.

A 40-year-old rice farmer from Sungai Besar, Selangor, a rice-growing area of the state, has not received the ploughing incentive as well as the seed incentive for the August-to-September sowing season.

Usually, delaying sowing with maturing seeds would reduce the harvest quantity.

"How are we going to make a profit if harvests are reduced?" he asked, adding that farmers often faced delays or the slow processing of the aid and incentive dispersal.

According to the finance minister, at the tabling of Budget 2026, each farmer receives

an estimated assistance of RM4,300 per ha per season from RM3,790 previously.

To increase rice harvests, the second phase of the Five-Season Two-Year Rice Cultivation programme in the Muda Agricultural Development Authority areas of Kedah and Perlis would be completed in stages up to the second quarter of 2030.

As part of this programme, the RM1.28bil Jeniang Water Transfer project would start next year. Besides these projects, another RM100mil would be allocated for the restoration of problematic rice fields, improvement of infrastructure as well as the adoption of modern technology.

A further RM20mil of fertiliser would be disbursed to 6,400 farmers to increase rice yields.



RM2.6bil and Budget 2024, it was RM2.46bil.

The various aids come on top of an earlier increase in the ploughing and pesticide incentives. The ploughing incentive was increased to RM160 from RM100, and the pesticide incentive saw an increase to RM300 from RM200, per ha per season.

These incentives were announced earlier, including the RM50 per ha per season rice harvesting incentive.

Import makanan: Negara terdedah inflasi global

PETALING JAYA: Malaysia terdedah kepada inflasi global dan kejutan bekalan berikutan kebangkitan inflasi tinggi Malaysia terhadap makanan import, kata RHB Investment Bank Bhd.

Bank pelaburan berkata, kerajaan memerlukan pembaharuan menyeluruh dalam sektor makanan untuk menjamin tahap kelestarian bekalan dalam jangka panjang.

Katanya, walaupun sektor ini mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) 5.1 peratus tahun ke tahun dan peningkatan nilai tambah 4.2 peratus pada 2024, Malaysia kekal pengimport bersih makanan.

"Kami menilai berdasarkan dengan import makanan pertanian naik 14 peratus berbanding eksport hanya 11.5 peratus, terutama melabur beras, gandum, benih, baja dan jentera," katanya dalam nota penyelidikan.

RHB Investment Bank berkata, analisis mereka mendapati 73 peratus tanah pertanian di Malaysia ditumpukan kepada kelapa sawit, manakala tanaman makanan hanya 10 peratus,



RHB Investment Bank mencadangkan pendekatan pertanian berskala besar serta tanaman campuran.

meskipun kedua-duanya menyumbang nilai tambah hampir sama.

Menurutnya, komoditi tersebut mencatatkan nilai 44 peratus bagi setiap hektar pada tahun lalu iaitu hanya tinggi sedikit berbanding tanaman

makanan pada 42 peratus, meskipun tanah yang diperuntukkan adalah amat kecil.

"Kebergantungan ini menjadikan Malaysia berisiko tinggi terhadap ancaman besar dari luar seperti berlaku ketika krisis kewangan global 2007 sehingga

2008. "Sepanjang tempoh itu, spekulasi komoditi menyebabkan lonjakan harga beras, sementara isu larangan eksport beras oleh India pada 2023 mengganggu teruk rantaian bekalan di pasaran serantau," ujarnya.

Bagi subsektor koko, bank pelaburan berkata, pengeluaran koko di benua ini merosot 60 peratus antara 2012 hingga 2022, dengan pengeluaran utamanya, Indonesia adalah paling teruk, walaupun kemudahan pemprosesan di Asia berkembang.

Sementara itu, bank pelaburan berkata, syarikat-syarikat di Malaysia memilih Ecuador, yang mencatat kadar pertumbuhan tahunan terkompau bagi eksport ke Asia sebanyak 23 peratus dalam dekad lalu.

RHB Investment Bank mencadangkan pendekatan pertanian berskala besar serta tanaman campuran untuk meningkatkan kesuburan tanah dan menjaga pendapatan tambahan bagi ramai pekebun kecil.

"Sokongan kerajaan lebih proaktif juga wajar melalui sub-

sidi bersasar, pembinaan infrastruktur ladang dan khidmat nasihat lapangan selain penetapan harga lantai dan pendapatan mapan bagi petani.

"Ini supaya sektor makanan kekal menarik terutama kepada generasi muda, bagi menangani isu purata umur petani yang kini mencecah 60 tahun dengan kurang bakat pelapis," jelasnya.

Berdasarkan situasi semasa, bank pelaburan menyenaraikan lima kaunter utama yang berpotensi mendapat manfaat daripada usaha peningkatan daya tahan sektor makanan negara antaranya Farm Price Holdings Berhad.

"Kami turut memilih pengeluaran produk koko utama, Guan Chong serta konglomerat perladangan, IOI Corporation dan SD Guthrie, selain pemain besar penternakan, Leong Hup International," katanya.

RHB Investment Bank berkata, anjakan strategi menyeluruh diperlukan daripada hanya fokus industri berasaskan eksport kepada pendekatan seimbang menjamin keselamatan makanan dan kebajikan petani.

Milking high-tech aid for production, food security

Dairy project to raise Johor output to 15 million litres by 2027

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR expects to increase its annual fresh milk production to 15 million litres through the Jemaluang Dairy Valley (JDV) project in Mersing.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said the project was expected to position Johor as one of the country's leading dairy producers, while also strengthening food security in the country.

He said JDV, with its state-of-the-art infrastructure, was expected to begin operations by the end of 2025.

"This includes high-tech cattle barns, a rotary milking parlour and environmentally friendly waste management system to ensure efficiency and sustainability," he said.

Zahari, who is also Buloh Kasap assemblyman, said 1,000 dairy cows would be arriving from Australia this month, with the number set to increase when operations expand.

He said the project would create job opportunities, boost the local economy and provide wider benefits through a satellite farmer programme.

"The programme will give dairy farmers in Johor the chance to collaborate with JDV, helping to strengthen and empower the state's dairy industry."

The project is envisaged as a dairy-based agro-tourism hub that will attract visitors to Mersing.

"This will spur economic spill-overs and open new opportunities for tourism and service sectors in the area."

JDV is a strategic collaboration between Johor government and East Coast Economic Region Development Council (ECERDC).



Zahari (front, centre) touring the JDV project in Mersing. The state-of-the-art facility (left) situated on 275ha site will be a production and collection point for fresh milk and increase the state's total output.

Zahari said the project would be managed by Jemaluang Dairy Valley Sdn Bhd (JDVSB), a joint venture between Kulim (Malaysia) Bhd and A2 Fresh Holdings Sdn Bhd.

"Johor currently produces about 6.4 million litres annually," Zahari said.

"With JDV, this will rise to nine million litres a year, and between 13 and 15 million litres by 2027."

JDV will also serve as a collection point for fresh milk from farmers in surrounding areas,

further strengthening the supply chain.

"This initiative is aligned with the state government's mission under Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi to increase productivity in the sector and ensure food security," he said.

Zahari expressed confidence that the project would be a catalyst for Malaysia's dairy industry growth.

"By the end of 2025, JDV will be fully operational and become a key driver of the sector," he said.

JDV was first announced as part of Johor's strategic push to diversify its agricultural base and reduce reliance on imported dairy products in 2021.

The project aims to improve domestic milk production and be a model of sustainable, large-scale dairy farming.

Once complete, the complex located on 275ha site, will integrate farming, processing, training and tourism in one location, serving as both a production hub and an educational centre for the public and future farmers.

Dodol usahawan OKU intai pasaran global

Jenama Ewan Dodol angkat kuih tradisional jadi snek moden

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Siapa sangka status sebagai orang kurang upaya (OKU) bukan penghalang bagi Mohd Eizwan Solleh, 28, untuk bergelar usahawan berjaya yang kini terkenal dengan jenama Ewan Dodol.

Produk dodol moden pelbagai perisa yang semakin mendapat tempat di pasaran tempatan dan luar negara ini beroperasi dari Anak Bukit di sini, diusahakan anak muda berstatus OKU ketidakupayaan intelektual membuktikan kekurangan diri bukan alasan untuk tidak berusaha.

Pengurusan perniagaan dijayakan bersama bapanya, Solleh Wahab, 60, yang menjadi tulang belakang serta dibantu Mohamed Fuad Al Kahari, 60, selaku pengurus pemasaran yang turut membantu membimbing Eizwan dalam selok-belok dunia perniagaan.

Menurut Eizwan, idea menghasilkan dodol tercetus sekitar tahun 2017 yang diilhamkan oleh bapanya.

"Kami tiada pengalaman langsung buat dodol. Ketika itu bapa sedang fikirkan bentuk perniagaan yang sesuai untuk masa depan saya. Saya tahu proses dodol tradisional ambil masa sehingga lapan jam. Jadi, bapa cuba cari kaedah supaya lebih cepat dan tak membebankan," katanya.

Dengan pelaburan awal kira-kira RM100,000, dua beranak itu membeli mesin kawah dua lapis dan mesin pembungkusan automatik untuk mempercepatkan proses pembuatan.

"Bermula secara kecil-kecilan, Ewan Dodol kini menjadi produk istimewa dengan inovasi tersendiri bukan sahaja dari segi rasa, malah pembungkusan moden yang memudahkan pelanggan menikmati di mana-mana.

"Dulu kami cuba tujuh perisa iaitu durian, pandan, coklat, strawberi, blueberry, cappuccino dan original. Selepas lihat permintaan pasaran, kami kekalkan lima perisa paling popular. Setiap

warna pada bekas menunjukkan perisa yang berbeza," jelasnya.

Mahu dijadikan dodol sebagai snek harian

Eizwan berkata, pembungkusan produk turut menjadi antara faktor utama kejayaan Ewan Dodol yang dihasilkan dalam bekas 'sumi cup', menjadikannya mudah dimakan dan disimpan.

"Pendekatan itu bukan sahaja menambah nilai estetik, malah memberi pengalaman baharu kepada pelanggan. Ramai pelanggan maklumkan, bila makan dodol kami terasa 'ketagih' sebab teksturnya lembut dan mudah dimakan macam snek," kata bapa kepada seorang cahaya mata ini.

Menurutnya lagi, dari situ pendekatan mula diubah, untuk menjadikan dodol bukan lagi kuih bermusim tetapi sebagai snek harian moden.

"Kita pilih buat dalam bekas sumi agar nampak istimewa, senang dibawa dan dimakan malah mudah disimpan. Setiap warna mewakili perisa berbeza," ujarnya.

Tambah beliau, keunikan inovasi itu mendapat pengiktirafan apabila Ewan Dodol meraih Anugerah Inovasi Pertanian dan Industri Asas Tani Jaya sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kedah 2025.

"Kami mendapat bimbingan MARDI. Hasil penyelidikan bersama, produk tersebut kini mempunyai jangka hayat sehingga setahun, berbanding hanya empat bulan sebelum ini.



Eizwan menunjukkan antara perisa popular yang mendapat permintaan tinggi pelanggan.

"Dulu kami tak boleh buat stok banyak sebab cepat rosak. Selepas lakukan kajian dan pembangunan (R&D), kini boleh hasilkan stok besar dan pasarkan ke lebih banyak lokasi," ujarnya.

Eizwan berkata, bermula dengan jualan kurang RM10,000 sebulan, kini Ewan Dodol mencatat peningkatan ketara dan sudah mula memasuki pasaran aneka kedai serta acara pameran produk di seluruh negara.

Bakal tembusi pasaran China dan Dubai

Produk ini sudah menembusi pasaran Singapura dan Thailand, dan bakal diperkenalkan di China serta Dubai pada tahun hadapan menerusi penyertaan dalam pameran antarabangsa seperti Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS).

"Dodol perisa durian Musang King sedang dibangunkan khas untuk pasaran eksport ke China.

"Kami sertai beberapa pameran makanan di Thailand, antaranya di Satun dan menerima maklum balas positif,

dodol ini lebih sedap berbanding produk mereka. Itu buat kami yakin produk tradisional bila dikomersialkan secara moden boleh tembusi pasaran dunia," jelasnya lagi.

Eizwan jelaskan, beliau yakin dodol mampu menjadi snek harian moden setanding kuih baulu, dan bukan lagi produk bermusim semata-mata.

"Kalau dulu dodol sinonim dengan Hari Raya dan kenduri, sekarang kami mahu ubah persepsi itu. Dodol boleh dinikmati bila-bila masa," katanya yang menyasarkan akan mengeluarkan 22 perisa.

Eizwan juga percaya setiap kesusahan yang dilalui menjadi pengalaman berharga untuk pembangunan produknya.

Dengan semangat yang tidak pernah luntur, Ewan Dodol kini menjadi simbol inspirasi bahawa dengan inovasi, kesungguhan dan sokongan keluarga, seorang usahawan OKU mampu mencipta kejayaan membanggakan bukan sahaja di tanah air, tetapi juga di persada antarabangsa.



Eizwan bersama bapanya, Solleh yang menjadi tulang belakang Ewan Dodol.



Eizwan menyertai pameran jualan produk di serata negeri untuk memperkenalkan Ewan Dodol.